

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pendekatan Kerajaan Pusat dalam membangunkan industri tuna di Pulau Pinang ekoran perubahan Akta Perikanan di Parlimen baru-baru ini. Adakah akan terdapat cadangan untuk membangunkan dermaga ikan antarabangsa di negeri berkaitan (khususnya untuk industri ikan tuna) ekoran fungsinya sebagai pangkalan utama urus niaga hasil laut kini. Jika tidak, kenapa dan apakah inisiatif lanjut.

JAWAPAN

1. Pada tahun 2012, Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membangunkan *Fleet Development Plan* di bawah *Indian Ocean Tuna Commission* (IOTC) yang berpotensi untuk mendaratkan sebanyak 30,000 tan metrik tuna oseanik dengan nilai berjumlah RM300 juta setahun. Tuna oseanik merujuk kepada spesies tuna seperti *Skipjack*, *Albacore*, *Yellowfin*, *Bigeye* dan *Bluefin* yang terdapat di lautan antarabangsa seperti Lautan Hindi.

2. Akta Perikanan 1985 (Akta 317) telah dibuat pindaan untuk menambahbaik peruntukan perundangan sedia ada bagi membolehkan penggubalan peraturan bagi tujuan pemantauan, pengawalan dan pengawasan ke atas vesel penangkapan ikan tempatan di laut lepas.

3. Setelah Pindaan Akta Perikanan 1985 diluluskan, Kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan bagi membangunkan industri tuna di Pulau Pinang seperti berikut:

- Mensasarkan peningkatan pendaratan tuna oseanik Lautan Hindi kepada 5,000 metrik tan pada tahun 2020. Pada tahun 2018, sebanyak 3,165 tan metrik dengan anggaran nilai RM33 juta telah didaratkan oleh 17 vesel penangkapan tuna yang aktif beroperasi di Lautan Hindi.
- Mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri tuna di Pulau Pinang bagi melihat keperluan pembangunan keseluruhan rangkaian industri tuna negara. Penumpuan akan diberikan melalui kerjasama dengan pihak pelabuhan untuk membangunkan perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan bagi pematuhan tatacara perolehan vesel serta pembinaan vesel.
- Mengukuhkan keupayaan pemain industri dan jalinan kerjasama serta perkongsian maklumat melalui penubuhan persatuan di kalangan pemain industri tuna sedia ada.

SOALAN NO : 29

Persatuan ini juga berperanan dalam memastikan ahlinya sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh IOTC dan seterusnya meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

- Membangunkan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pelaksanaan *Port State Measure* kepada semua vesel yang beroperasi di Lautan Hindi yang mendarat di Pulau Pinang selaras dengan komitmen Malaysia sebagai ahli di bawah IOTC.

4. Pada masa ini, Kementerian hanya mendaftar dua buah pelabuhan dengan pihak IOTC sebagai dermaga ikan antarabangsa (*designated tuna port*) iaitu Dermaga Air Dalam di Pulau Pinang dan Pelabuhan Tanjung Lembung di Langkawi. Justeru, tiada keperluan bagi cadangan untuk membangunkan dermaga ikan antarabangsa lain di Pulau Pinang kerana dermaga sedia ada terletak di lokasi paling strategik iaitu berhampiran dengan Lautan Hindi dan belum digunakan secara optimum.

Sekian, terima kasih.